



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1963—

Committee of Supply (Third Allotted Day):

Head S. 13 [Col. 2419]



FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Friday, 7th December, 1962

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).

- The Honourable TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).

- The Honourable ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).

The Honourable ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Third Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head S. 13—

Resumption of debate on question:

That the sum of \$15,512,035 for Head S. 13 stand part of the Schedule.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, bagi menyambong ucapan saya pada petang sa-malam, maka sa-kali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Bekerjasama supaya menasihatkan Kerajaan Negeri Johor untuk menyiasat dan menurunkan chukai kepada mereka yang ditimpa kemalangan yang saya sebutkan itu.

Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lalu Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangga²kan bahawa negeri Johor ma'amor dan bagus.

Maka daripada keterangan ini nyata-lah bahawa beliau itu hanya menengok dalam kawasan-nya yang kechil itu sahaja, tetapi tidak keselurohan-nya, sa-hingga berani beliau itu merendahkan tenaga orang lain saperti di-negeri Kelantan—kata-nya: “Kelantan negeri Che' Wan Siti Kembang, padi di-tanam tumbuh lalang, getah di-tanam tumbuh kemang.” Tuan Pengerusi, pada biasanya kalau sa-orang itu laki² maka lawan-nya selalu laki² juga. Sa-patutnya Yang Berhormat rakan laki² pehak saya akan menjawab ucapan-nya itu, tetapi kerana menilek kapada buah fikiran beliau yang begitu sengkat dan tidak masok akal manusia yang telah menghina kami itu, maka saya sendiri chukup menjawab-nya.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya tidak bermaksud hendak menghina di-dalam ucapan saya itu.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Walau pun saya kaum lemah, saya rasa tidak kalah dengan beliau itu. Saya suka beri nasihat kepada Yang Berhormat itu, ia-itu lain kali berhati²-lah sa-belum berkata. Lihat di-keliling tempat orang yang hendak di-hinakan itu dengan di-sakeliling tempat kita sendiri. Ada-lah lebeh baik berkata dengan sa-chara sederhana, sebab tidak ada menimbulkan sakit hati di-antara satu sama lain. Tuan Pengerusi, beliau itu menghina negeri Ke-

lantan. Saya ingin bertanya, siapa-kah memerintah negeri Kelantan? Yang memerintah negeri Kelantan ia-lah orang Melayu. Siapa Yang Berhormat itu? Yang Berhormat itu ia-lah orang Melayu. Kalau Yang Berhormat itu menghina pemerintah daripada orang Melayu walau pun bodoh dan hina, tetapi "menepok ayer di-dulang, merechek ka-muka sendiri." Tuan Pengerusi, saya suka memberitahu ia-itu saya minta menurunkan chukai itu berkenaan dengan kejadian di-daerah Muar. Saya ingin menchabar Yang Berhormat itu tolong tunjukkan kepada saya di-negeri Kelantan di-mana yang semai padi tumbuh-nya lalang itu, dan saya bersedia kalau di-chabar oleh Yang Berhormat itu di-mana tempat yang betul² jalan ayer ini di-adakan, maka kerugian di-terima oleh orang kampung, saya sedia menunjukkan tempat itu kepada beliau, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sebarang Utara): Tuan Pengerusi, Order 35.

Mr Chairman: Order 35 berapa?

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Order 35 (1) yang dalam bahasa Inggeris itu berbunyi: "A member desiring to . . ."

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya minta dia bachakan dalam bahasa Melayu.

Mr Chairman: Dia minta tuan bachakan dalam bahasa Melayu.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Order 35 (1): "Sa-saorang ahli yang hendak berchakap hendak-lah bangun di-tempat-nya dan apabila di-panggil oleh Pengerusi maka hendak-lah ia berdiri mengarahkan ucapan-nya kepada Pengerusi. Sa-saorang ahli tidak boleh berchakap melainkan sa-telah di-panggil oleh Pengerusi." Saya nampak Yang Berhormat itu menghadapkan ucapan-nya kepada saya.

Mr Chairman: Nampak kapada-nya Yang Berhormat ini menghadapkan ucapan itu kapada dia.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, kerana di-sana rasa-nya sedap saya pandang (*Ketawa*).

Mr Chairman: Jemput.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, jadi Yang Berhormat saudara saya dari Muar Utara ini, saya mengatakan lebeh menjaga tepi kain orang lain, atau lebeh tepat bunyi perpatah orang tua² kita: "Tungau di-seberang laut nampak tetapi gajah yang besar berdiri di-hadapan tidak nampak." Atau boleh juga saya ibaratkan, bersembunyi di-sahelai lalang badan ta' nampak, tetapi hidong pun tidak tertutup oleh sa-helai lalang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, barangkali sifat saudara saya itu sa-bagai sa-ekor burung kasuari ia-itu bangsa burung yang hidup di-padang pasir, kalau dia hendak menyembunyikan sa-suatu maka di-surokkan kepala-nya ka-dalam tanah, tetapi badan-nya yang besar itu tinggal di-atas tanah, jadi nampak juga semua orang. Jadi, saya berharap di-lain kali saudara saya Yang Berhormat wakil Muar Utara itu untuk kepentingan kita semua-nya orang Melayu khas-nya saudara saya itu, mari-lah jangan kita hentam menghentam dengan keterlaluan sahaja, hendak-lah sederhana sifat—"Koyak² bulu ayam akan kembali juga", "chenchang² ayer tidak boleh putus." Saya ingin memberitahu, untuk pengetahuan Yang Berhormat itu dan kapada wakil² Yang Berhormat yang lain, bahawa di-negeri Kelantan keadaan tumbuh padi sekarang ini berlipat kali ganda lebeh daripada tahun² yang sudah. Padi yang di-tanam dua kali sa-tahun sekarang lebeh hasil-nya sa-kali ganda ia-itu dua million gantang. Dan padi yang di-tanam sa-kali samusim, erti-nya sa-kali sa-tahun, bertambah sa-banyak 15 million gantang daripada tahun sudah—erti-nya padi yang di-tanam itu tumbuh dengan subur, Tuan Pengerusi. Kalau mengikut tafsiran kita, saya merasa sa-lain daripada negeri Kelantan dapat memberi makan seluroh penduduk dalam negeri Kelantan boleh di-masokkan seluroh penduduk negeri Johor lagi bersama untuk memberi makanan yang chukup pada sa-tahun ini, Tuan Pengerusi. Jadi, ini-lah dia, Tuan Pengerusi, pada hal di-Johor kita maseh kekurangan beras dan jangan-lah lain kali kita terlalu bersifat takbor.

Tuan Pengerusi, saya masuk ka-bahagian Co-operative Development Division di-muka 55 Item 66. Di-dalam soal Co-operative ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kerana saya pernah bertanya kepada salah sa-orang Pengelola dalam kedai Co-operative, ia-itu apa-kah tidak boleh segala kedai² orang Melayu itu di-ambil untuk menjadi sa-bagai ahli di-dalam-nya dan di-beri latehan chara menjual wholesale kepada pekedai² kechil orang² Melayu itu? Jadi, erti kedai co-operative hanya di-satu tempat itu sahaja yang mengeluarkan atau menjadi ibu kepada pekedai² kechil Melayu di-kampong² ini hingga mereka dapat menerima keuntongan daripada kedai co-operative itu dan keuntongan itu dapat pula di-terima oleh pekedai² kechil itu. Dan supaya pekedai² kechil itu tahu bagaimana usaha Kerajaan hari ini hendak menolong menaikkan perekonomian orang kita Melayu supaya mereka dapat menerima nasihat² atau chara² bagaimana memajukan kedai² mereka itu. Sebab saya dapat tahu konon-nya tidak boleh, jadi saya minta-lah keterangan daripada Menteri yang berkenaan bagaimana letak-nya keadaan itu, kalau-lah sunggoh Kerajaan hari ini hendak menaikkan darjah perekonomian orang² Melayu, tentu saya rasa ini boleh di-jalankan. Tuan Pengerusi, sa-takat ini-lah ucapan saya, terima kaseh.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun pagi ini mula² saya hendak menguchapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama kerana di-dalam ucapan penerangan bagi mengemukakan perbelanjaan bagi Kementerian ini, nampak dengan jelas kepada fikiran orang yang mahu menimbangkan dan mahu mengikut perkembangan di-bawah Kementerian ini dari satu masa ka-satu masa; Kita menguchapkan tahniah kerana dalam penyiasatan bagi pehak Kementerian ini harus walau pun Sharikat Kerjasama ini ada-lah satu badan yang boleh mengawal atau meninggikan taraf hidup ra'ayat yang miskin tetapi beliau-lah Menteri yang pertama nampak-nya maseh tidak puas

hati atas hal atau pun atas kemajuan² yang lalu dan timbul dalam fikiran-nya untuk hendak mengubahkan system atau pun chara pengajaran di-College Co-operative supaya mensesuaikan atau menyalorkan bagaimana-kah kehendak tanah ayer Persekutuan Tanah Melayu ini meningkat kemajuan-nya pada masa yang akan datang. Jadi, dalam pada itu saya rasa mesti-lah kita aku daripada sekarang tidak ada jalan lain lagi pehak kita terutama sa-kali ra'ayat yang miskin hendak menaikkan taraf hidup yang mesti-lah berpandukan sangat² kepada Sharikat Kerjasama. Bukti-nya pun pada sa-takat ini sudah pun nyata beberapa banyak perusahaan² berkehendakkan ada dalam-nya Sharikat Kerjasama dan supaya membeli Estate atau membeli harta, mendirikan kilang² yang berupa modal-nya dari Sharikat Kerjasama yang pada suatu masa dahulu tidak tergambar dalam kepala kita bahawa orang miskin atau pun ra'ayat ada yang menerima sa-ringgit atau dua ringgit sa-bulan dapat mengumpul perlahan² dengan Sharikat Kerjasama, dan terchongok besar bangunan² Sharikat Kerjasama yang ada di-Ibu Kota ini menjadi chontoh yang baik kepada perkembangan fikiran kita.

Berkenaan dengan sungutan yang di-bawa, sa-belum saya lupa, oleh wakil Dungun, kerana sa-malam dia telah menyatakan dengan sedeh hati melihatkan kaum ibu dengan keadaan yang sangat menyedehkan sa-bagai wakil ra'ayat. Pengalaman saya sendiri sangat berbeza dengan pengalaman Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu saya telah terangkan di-dalam Majlis ini, kerana sa-tahu saya sa-bagai wakil ra'ayat yang tahu dalam kawasan dia sendiri orang² itu menderita, patut kita mengumpulkan orang² itu memberi chontoh dan pandangan, Rusila, chuma sa-jengkal daripada tempat-nya. Jadi apa-lah yang kita minta Menteri kita, undang² ada. Jadi saya rasa tentu-lah susah sedikit kita hendak memikirkan, kerana Ahli Yang Berhormat itu lebeh banyak berjalan di-Johor.

Bagi pehak saya di-Melaka yang saya wakili atau tempat² yang saya berjalan, saya lihat ranchangan itu ada,

sa-kali lagi saya tegaskan supaya didengar oleh Ahli² yang Berhormat didalam Dewan ini, ranchangan Tali Ayer memang besar guna-nya kapada petani. Dan sa-bahagian besar mereka mementingkan, kalau sa-lama ini kema-rau. Ini-lah Tali Ayer untuk mengairkan pada masa kita berkehendakkan ayer. Dan kalau masa bah tempat-nya yang kita hendak membuang ayer masam masok sadikit, itu tidak-lah boleh kita salahkan pakar itu. Saya rasa tentu-lah perkara ini kita budak² di-kampong, buat salah, tidak buat pun salah, yang mana kita ikut, jadi, apa yang dikeluarkan oleh wakil Dungun tadi saya memerhatikan jangan-lah memikirkan saya ini selalu sentiment tidak betul, tetapi saya hendak ikut apa yang di-fikirkan-nya, apa yang di-suarakan-nya, apa yang di-lihat-nya dan di-rasakan-nya tidak ada sa-lari dengan chara dalam ucapan-nya memberitahu wakil ra'ayat di-sini, padi di-Kelantan itu boleh memberi makan ra'ayat.

Ia tidak sedar padi Kelantan itu dibawah Menteri Sharikat Kerjasama juga. Jadi, di-mana kita berchakap semua-nya hal² berkenaan dengan pertanian itu atau Sharikat Kerjasama yang kita hendak harapkan satu masa nanti bahawa ra'ayat memahami benda itu dalam masa hidup, jadi pendek kata saya kumpulkan semua sa-kali ucapan² daripada wakil daripada Dungun sa-malam saya tidak mahu sebutkan nama-nya, tetapi benda itu semua-nya di-belakang². Perkara² yang sudah di-buat dan yang sedang di-ranchangkan kita tahu buat, satu hari tidak selesai, buat dua hari pun tidak selesai, buat sa-tahun pun tidak chukup lagi. Sa-lagi kita hidup memang tidak puas², patut-lah hendak di-galakkan, jangan nampak sa-orang bagitu dan bagini, ada orang kena tipu dan kerana ini, dia kata dia betul, orang itu kata dia betul. Ra'ayat sekarang ini telah menderita di-tipu itu dan ini dan ini dia pula bertempok di-dalam Dewan ini, jadi dua perkara ini berlawanan. Pada fikiran satu orang adil dan pada fikiran sa-orang lagi tidak adil. Patut-nya dalam satu kumpulan kalau kita kata A mesti-lah A kalau kita kata B mesti-lah

B. Dalam masa kita mengatakan benda itu tidak baik, susah kita jugalah hendak menimbangkan perkara itu.

Tuan Pengerusi, supaya saya jangan memakai masa yang panjang dan saya rasa Ahli² Yang Berhormat lain hendak berchakap juga patut-lah diterima fikiran² mereka itu untuk memperbaiki perkembangan pertanian yang ada dalam Kementerian ini. Jadi, benar-lah bagaimana yang di-katakan oleh Menteri yang berkenaan Maktab Kerjasama di-ubah sistem atau chara pelajaran-nya. Saya suka-lah menggambarkan sadikit, kalau tidak kena semua-nya, jangan silap faham pula. Tetapi sa-tengah² daripada pegawai Sharikat Kerjasama ini tentu-lah patut dia mendalami lagi atas tujuan Sharikat Kerjasama itu. Kadang² sa-sungguh-nya sa-bahagian untuk memperbaiki lagi, ada yang memikirkan dia itu sa-bagai pegawai pemeriksa sahaja.

Atau pegawai yang hanya di-undang, tetapi tidak-lah menchari perkembangan². Saya rasa tentu-lah ada saloran² yang patut kita chari macham mana lagi hendak mengembangkan Sharikat Kerjasama di-sini. Bukan kerana daripada Dungun tetapi atas kepentingan ra'ayat yang miskin di-Tanah Ayer kita ini, atas kepentingan semua-nya ini menghadapkan usaha kita itu, pandangan² kita itu dan arahan² kita itu kapada kebangkitan ra'ayat. Jadi, chukup-lah rasa-nya Tuan Pengerusi, Terima Kaseh.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, pada mula-nya tadi, saya tidak hendak bangun berchakap dalam Dewan ini di-atas peruntokan Kementerian ini, tetapi oleh sebab telah di-sentoh² oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkenaan dengan ranchangan² di-Johor, khas-nya di-Muar, maka terpaksa-lah saya pada kali ini memberikan penjelasan kapada Dewan ini atas apa² yang berlaku di-Johor sana. Rasa saya atas penerangan² itu tidak-lah dapat Dewan ini hendak di-kelirukan oleh beliau itu, dan terlebih dahulu, saya banyak-lah menuntut ma'af, kira-nya perkataan² saya ini tersentoh pada beliau sendiri.

Berkenaan dengan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini, saya memang-lah aku! bukan kita sendiri, tetapi daripada ra'ayat dalam negeri Johor sana, kerana bukan sahaja kami telah mendapat rasa dengan sendiri tetapi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar negeri Johor itu telah dapat di-aku! sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, di-mana dia telah mengatakan dan menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-jalankan oleh Kerajaan Negeri Johor itu telah berjalan dengan begitu pesat dan telah dapat berjalan dengan begitu baik dengan memberi kebaikan kepada ra'ayat. Apa yang saya dukachitakan, Tuan Pengerusi, ia-itu sa-bagaimana kata² Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang telah membangkitkan soal chukai paip ayer dalam daerah² itu, dan biasa juga saya menerima sungutan² dari ra'ayat atau pun orang² yang dudok dalam kawasan tali ayer itu mengatakan yang tali ayer ini tidak dapat di-sempurnakan, tidak dapat di-jalankan dengan betul dan mereka itu tidak mendapat hasil-nya apa yang di-buat oleh tali ayer ini.

Saya sa-bagai wakil ra'ayat di-kawasan sana terpaksa menerangkan kepada beliau ini, kalau untok bersungut ia-itu chara kita mengenakan chukai dan sa-kira-nya benda ini tidak mendatangkan hasil, sila-lah kemukakan kepada Jawatan-Kuasa di-sana dan Jawatan-Kuasa itu akan menimbangkan-nya.

Dalam beberapa bulan ini Ahli Yang Berhormat itu telah datang melawat ka-Johor. Hari² tidak kira siang dan malam beliau itu pergi melawat ka-kampong² untok menerangkan kepada orang² Johor bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Kerajaan itu tidak berguna satu sen pun. Ini yang di-terangkan kepada ra'ayat negeri Johor.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, boleh saya terangkan?

Enche' Aziz bin Ishak: Saya ta' beri jalan. Saya sa-bagai sa-orang ahli UMNO Johor telah mendapat sokong-

an di-sana, dan saya telah mendapat sokongan daripada seluroh chawangan UMNO mengatakan bahawa orang PAS telah masuk ka-kampong², bersharah di-sana di-sini mengatakan yang Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu tidak berguna sama sa-kali. Satu perkara yang saya terpaksa tunjukkan kepada orang² sana ia-itu beliau telah datang di-suatu tempat dengan mengatakan yang Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ia-itu Ranchangan Tanah F.L.D.A. itu memang tidak memberi guna kepada ra'ayat. Kata-nya menjadi kuli ra'ayat dan macham² yang di-katakan-nya berthabit dengan apa yang saya katakan terhadap Ranchangan Pembangunan Luar Bandar

Mr Chairman: Nanti dahulu! Dia kata kuli Kerajaan?

Enche' Aziz bin Ishak: Kuli Kerajaan. Jadi ra'ayat di-sana telah serba salah. Beribu² orang yang telah memohon Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu serba salah, mereka mengatakan betul atau tidak ahli itu ka-sana?

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, on a point of order, 36 (4). Saya fikir uchapan Ahli Yang Berhormat itu tidak bersangkut-paut dengan apa yang di-bahathkan pada hari ini.

Mr Chairman: Penjelasan itu tidak boleh menjadi perbahathan!

Enche' Aziz bin Ishak: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Jadi dengan kekeliruan ini, saya telah pun memanggil orang² Melayu yang telah di-rachun oleh perkataan² ini supaya pergi sendiri ka-kawasan Ranchangan Tanah itu. Saya telah sewakan bas untok menghantar mereka itu bagi menyaksi dan menengok sendiri supaya faham dan supaya mereka itu boleh pandang dengan mata kepala mereka sendiri apa yang di-buat oleh Kerajaan. Manakala mereka telah datang menyaksikan Ranchangan Tanah itu, mereka berasa gembira dan ada pula di-antara mereka yang ta' hendak balek, hendak dudok di-situ juga. Jadi ini-kah yang dapat kita buktikan apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar

itu tidak mendatangkan hasil atau faedah kepada ra'ayat? Dalam negeri Johor bukan sahaja di-beri berkenaan dengan tanah, tetapi di-beri juga ternakan dan membanyakkan hasil tanaman yang sedang berjalan bagitu lancar-nya dalam negeri Johor sekarang. Oleh itu saya anjorkan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya mereka itu suka melawat ka-kawasan-nya sendiri dan jangan-lah mereka itu datang melawat ka-Johor—menjadi rachun! (*Ketawa*).

Mr Chairman: Dia pun duduk di-Johor juga!

Enche' Aziz bin Ishak: Ya, dia duduk di-Johor, tetapi kawasan-nya di-Dungun. Rasa saya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat wakil Dungun itu barangkali orang di-sana telah menulis berpuchok² surat kepada beliau, tetapi dia tidak hiraukan. Dalam *Utusan Melayu* saya sudah tengok banyak yang mengatakan yang Ahli Yang Berhormat itu ta' melawat ka-kawasan-nya, tetapi dia suka di-Johor; rasa saya orang² Johor ta' hiraukan dia, kerana kita menerangkan kepada ra'ayat dan ra'ayat tahu sendiri

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Johor gonchang!

Mr Chairman: Saya suka menerangkan supaya jangan menyampok apabila orang lain berchakap, dan beri-lah peluang dia berchakap. Kemudian ada masa peluang bagi Yang Berhormat berchakap. Jangan-lah menyampok. Saya minta supaya bersabar dan ber-tenang sedikit!

Enche' Aziz bin Ishak: Itu-lah per-kara-nya, Tuan Pengerusi, dan saya dengan tegas mengatakan mereka itu tidak ada tempat dalam negeri Johor.

Sa-perkara lagi yang saya suka hendak chakapkan dalam Dewan ini ia-lah berhubong dengan Pegawai Perikanan. Di-dalam Jawatan-Kuasa Luar Bandar, Muar, ada sa-orang pegawai yang telah di-hantar dari Melaka. Tugas Pegawai Perikanan ini ia-lah menengok berkenaan dengan hal nelayan di-sana. Pegawai ini telah membuat repot kepada Jawatan-Kuasa Luar Bandar ini yang mengatakan ia-itu

ada kesusahan nelayan di-sana berke-naan dengan kual^a2 sungai di-situ kebanyakan-nya tohor. Yang kedua-nya tidak ada tanda atau pun api untuk nelayan itu hendak masuk ka-kuala pada masa ribut dan ada tempat yang tidak ada pengkalan ia-itu pengkalan untuk menaikkan ikan daripada tepi laut itu. Jadi saya minta perhatian daripada Kementerian ini supaya perkara itu dapat di-rundingkan bagaimana chara hendak mendapatkan perkara yang saya sebutkan itu dengan segera.

Enche' Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Mr Chairman, Sir, I wish to touch on the Resettlement of Special Constables Division, page 44. My Honourable friend the Member for Sungei Patani has spoken about this item and I would like to elaborate a little on this Division. It is quite true that many of the ex-special constables have not rehabilitated themselves and have not found a proper living so as to maintain their families. Most of them, I understand, have failed in businesses which they have started with their rehabilitation loans, and many are now in financial difficulties. So, I wish to suggest to the Ministry concerned to have a census taken of these ex-special constables, as I am sure this census will be of help; this Division will then be able to help them to get land under the F.L.D.A. schemes or land under the fringe alienation. According to the point system of such land in F.L.D.A. and fringe alienation schemes, most of these ex-special constables are finding it hard to get themselves into these schemes. Therefore, I would appeal to the Minister to use his influence to see that those ex-special constables who have not got land, or who have got land which is not sufficient to make up an economic holding to be given preference.

The next item I wish to touch on is the Veterinary Division, page 50. Here, I would like to congratulate this Division of the Ministry for having done a very good job in setting up the *pawah* system in giving buffaloes, oxen, goats and poultry, but I would like to further request this Ministry to allocate more funds for this system which I am

sure is working very well. The *pawah* system not only helps many people in the rural areas but it also helps many people who are unemployed by giving them a few goats. Therefore, I hope that this system will be expanded. Sir, I see that not much funds have been allotted under this and I hope that in the year to come this matter will be looked into. Moreover, I would like to say that those in most of the new villages, the Chinese, no doubt also get the benefit of getting buffaloes, goats and poultry under this scheme, but the Chinese in the new villages would prefer to have pigs; and so, I would also request the Ministry to give pigs also under the *pawah* system.

Then I come to page 61, Sub-head 42, Disease Control. As we all know, cattle seldom contract diseases but fowls do contract diseases and we are getting more and more poultry farms throughout the country as a result of which—I am sure Honourable Members are aware of it—the price of eggs has gone down. However, to encourage more people to rear poultry I hope this Division of the Ministry will give more care and make investigation into the common diseases which are commonly contracted by fowls. Further, I would say that most investigations into diseases which are being carried out by this Division are not having enough publicity. Therefore, I hope the diseases which are common and the ways of preventing them should be publicised by way of pamphlets entitled, "Diseases and Control of Diseases among Fowls.", and other means.

Next, Sir, I wish to speak on the Co-operative Development Division—page 55. We hear and read in the daily newspapers that the co-operative movement has gained more and more interest and more people realise the usefulness of the co-operative movement—especially the thrift and loan societies. So, I wish the Ministry concerned also to see to it that these societies are given every assistance.

In this connection, I would like to take the opportunity to speak on co-operative housing societies. This matter is also gaining popularity and this

movement is also helping the Government in relieving it of its duty of getting more homes for the middle class and the working class of this country. However, according to the present system a member of a co-operative housing society can only own a house if he has a piece of land and is able to pay one-third for the house which he intends to own. This is quite difficult. As it is, it will cost at least \$8,000 to \$12,000 for a reasonably comfortable house. Therefore, I would be happy if the Ministry concerned could approach the lending authorities to reduce the initial amount for purchasing a house. I am sure that this will help a lot of the poor and working people in this country.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun di-sini mengucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian Tanaman dan Sharikat Kerjasama yang telah menyusun dan menguntukkan perbelanjaan Sharikat Kerjasama pada hari ini. Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan Sharikat Kerjasama dan berkenaan dengan perikanan. Tuan Pengerusi, kelmari kita telah dengar banyak Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini telah berchakap berbagai², ada yang mengeshorkan berbagai² perkara supaya dapat di-ikuti atau pun dapat di-jalankan oleh Menteri yang berkenaan ini. Tuan Pengerusi, salah satu yang tertarek sangat di-hati saya dalam ranchangan² atau pun shor² yang di-shorkan oleh wakil dari Dungun ia-itu tentang mengkuang. Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat dengan chadangan Yang Berhormat dari Dungun ini tetapi, Tuan Pengerusi, jangan-lah kita jalankan chara² saperti yang di-jalankan sekarang ini atau pun chara² yang lama yang di-jalankan oleh nenek moyang kita dahulu. Kerana, Tuan Pengerusi, zaman sekarang ini kalau kita tidak tahu sa-chara anyaman yang baik maka saya fikir mengkuang dan pandan boleh jadi kalah kerana sekarang ini kebanyakan di-gantikan dengan mengkuang pelastik. Jadi, sa-kira-nya chara yang ada sekarang ini dan chara² yang telah di-jalankan oleh nenek moyang kita dahulu itu tentu-lah

kita tidak dapat melawan-nya. Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap tentang mengkuang; kalau sa-kira-nya pandan di-sebelah Kedah di-panggil lain pula. Wakil dari Dungun sendiri telah membesar²kan yang mengkuang ini dapat di-jadikan satu perusahaan yang baik di-dalam negeri kita ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya baharu² ini telah masuk ka-Pasar Minggu di-Kuala Lumpur itu, banyak topi² dan bag² mengkuang barangkali sudah lama barang² itu di-letakkan di-kedai itu sa-hingga naik debu tidak di-beli orang. Dan juga wakil dari Dungun saya tahu yang beliau mengagong²kan ya'ani suka sangat dengan perkakas atau pun alatan daripada mengkuang tetapi beliau sendiri tidak menggunakan mengkuang chuma saya tengok yang beliau itu pakai di-sini chara wanita Sabah ia-itu di-lilit kepala-nya. (*Ketawa*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: (rises).

Mr Chairman: Itu tidak ada kena-mengena dengan perkara ini.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Minta dia tarek balek, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya sudah chakapkan kepada dia perkara itu tidak ada kena-mengena dengan perkara yang di-bahathkan ini.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya chadangan atau pun shor Yang Berhormat dari Dungun ini di-pakai atau di-dengar oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini, saya perchaya sa-kira-nya di-dirikan kilang yang besar² untuk membuat barang² daripada mengkuang ini barangkali boleh jadi hendak membayar harga karen itu pun tidak dapat di-bayar-nya dan segala pekerja² habis mogok dan barang² itu tidak ada tempat hendak di-bawa dan mesen² yang ada dalam factory itu boleh jadi karat semua-nya, akhir-nya barang² yang kita buat itu terpaksa kita tolak ka-kompani Chong Ah Pi. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pandan; tadi saya tidak sebutkan kerana orang di-negeri saya pandan itu berlainan dengan mengkuang. Pandan satu pokok yang kechil rupa-nya seperti serai dan daun-nya lebar. Tuan

Pengerusi, yang saya tahu di-zaman pemerentahan Jepun dahulu orang² disana banyak yang tahu membuat minyak daripada daun pandan ini dan minyak pandan ini boleh kita gunakan ubat² dan menggosok badan² yang busok (*Ketawa*) dan perkara² lain lagi ia-itu untuk sapu urat² yang silap. (*Ketawa*).

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan buah²an. Tuan Pengerusi, saya bersetuju ia-itu buah²an ini kita patut-lah besarkan chara pasaran-nya ia-itu seperti kita jadikan jem seperti buah²an dalam tin. Kerana sekarang ini kita tidak dapat lagi jem yang kebanyakan jem itu datang dari Africa Selatan. Jadi, kalau-lah buah kita di-buat jem ia-itu seperti belimbing, buah rambutan dan buah² yang boleh di-jadikan jem dalam negeri ini.

Tetapi saya tidak-lah setuju, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana kata Yang Berhormat dari Dungun, kata-nya buah janggus, kata orang Melaka buah gajus, tetapi kalau-lah di-usahakan perusahaan biji janggus ini tentu-lah baik memberi faedah kepada ra'ayat tidak payah-lah kita mengharapkan biji janggus yang datang dari India. Kata beliau lagi boleh di-buat jerok supaya kanak² yang masuk menengok wayang boleh memakan jerok itu, saya tidak setuju kerana itu boleh mengotorkan kain baju anak² kita, jadi, Tuan Pengerusi, sekarang saya ada ingat perkara yang mustahak berkenaan dengan fishing. Saya telah mendengar Yang Berhormat Menteri itu pagi kelmarin telah mengatakan banyak pehak Kementerian ini telah mengadakan kolam² untuk memelihara ikan. Jadi pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi ia-itu satu jenis binatang yang sa-patut-nya patut-lah wakil Dungun ini membawakan shor ini, kalau tidak salah pantai Dungun itu ada-lah kawasan Yang Berhormat itu. Tuan Pengerusi, dalam bulan August tahun ini saya telah melawat ka-pantai telor penyu di-Telok Bang. Saya bermalam di-sini dan saya telah menengok hal² berkenaan dengan penyu² yang naik ka-pantai itu bertelor beratus² hingga beribu². Jadi, Tuan Pengerusi, siang-nya dapat

pula saya berjumpa dengan Pegawai Perikanan di-Trengganu itu dan saya tanyakan perkara itu ada-kah Kerajaan menjaga perkara itu atau pun apa² chara-nya dapat membiakkan penyu itu. Dan saya dapati jawapan-nya ada-lah sedikit sa-banyak Kerajaan telah menjagakan penyu itu bertelur dan menetas menjadi anak, tetapi, Tuan Pengerusi, pada fikiran saya tidak memadai dengan Pejabat Perikanan yang menjalankan perusahaan mem-banyakkan telur penyu itu. Jadi penyu² itu biasa-nya bertelur sa-tahun sa-kali. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap barangkali Menteri Perikanan yang ada sekarang ini lebih faham lagi bagaimana chara-nya dapat kita mem-bawakan pakar² tentang penyu ini dapat di-usahakan supaya bertelur dalam sa-tahun dua kali. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya telah di-beri-tahu zaman sekarang berbagai² chara yang kita boleh buat. Saya minta-lah kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya tenang (*Ketawa*) oleh sebab itu saya telah lupa apa yang saya hendak chakapkan (*Ketawa*), zaman sekarang ada-lah zaman sains dan saya tahu dalam zaman to' nenek kita tidak ada orang kahwinkan getah, tidak ada orang kahwinkan pokok, sekarang ini pokok² yang di-kahwin-kan itu ada-lah menjadi satu pokok yang baik seperti pokok getah mital-nya dan pokok rambutan, pokok² yang di-kahwinkan itu dapat mengeluarkan buah yang lebih baik. Tuan Pengerusi, saya rasa, kita sekarang ini sudah dekat tahun 1963 dan Persekutuan akan di-jadikan negara Malaysia, jadi patut-lah dari sekarang ini orang² kita menchari jalan membiakkan dan membanyakkan penyu² itu kerana saya dapat tahu penyu² di-Sabah itu baik dan biasa-nya bertelur banyak, jadi kalau sa-kira-nya penyu jantan di-Sabah itu di-kahwinkan dengan penyu di-Telok Bang rasa saya kita boleh dapat telur yang baik, begitu juga penyu² daripada Selibis di-kahwinkan dengan penyu di-Paka. Barangkali Menteri yang berkenaan dapat chari pakar² yang dapat mencharikan penyu² itu bertelur sa-tahun dua kali. Jadi, Tuan Pengerusi, saya dapat tahu daripada orang² yang memajak penyu

itu sa-tahun sampai 30-40 ribu. Jadi kalau sa-kira-nya dapat Kerajaan sekarang menchari jalan supaya penyu itu bertelur dua kali sa-tahun sudah menjadi sa-ratus ribu. Jadi ini-lah saya shorkan dengan Bill ini, tetapi yang sa-patut-nya-lah patut wakil Dungun itu membawakan shor ini, dengan sebab wakil daripada Johor Tenggara telah mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu jarang² pergi ka-sana maka ini-lah satu chara yang baik yang dapat saya berikan pan-dangan ia-itu menchari jalan penyu² di-sa-belah Indonesia sana kita kah-winkan kemudian penyu² di-sini, tentu-lah kita akan dapat hasil yang baik.

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): Mr Chairman, Sir, I do not think I have very much need to inform the House of the vital importance of the subjects that we are now discussing—agriculture and co-operatives. Sir, of the two, although they are connected and, as in any Asian country, our people are mostly village people, I would lay more stress on co-operatives, because they are an indication of the new organisation that must come about for the salvation of our kampong people, if they are to be saved from poverty and exploitation. But let us ask, what is the importance given to co-operatives by the Government that is in power today in our country? I do not think there is any Member from the UMNO section of the Alliance who has not spoken on this very important subject of co-operatives, of its development, of its conditions, of its successes and failures, and of its ups and downs. They are so much agitated and so much concerned, and rightly so, because the people who have chosen them come from the kampongs and their very future, their very livelihood and their very happiness hang upon the fate of the co-operatives in our country.

Mr Chairman, Sir, I think although the Honourable Members from the UMNO section of the Alliance have spoken so feelingly, so strongly and so much in detail about the co-operative movement, I do not think they know the amount of money and the amount of effort that the Government is

Sir, the Honourable Minister must realise that as far as co-operatives are concerned, there are various types of co-operatives. There are some co-operatives which are concerned with the problems of consumers. They are organised to remove middlemen exploitation. We have cases in which a group of people living in a particular area would like to run a consumers co-operative whereby they can buy their daily needs from this particular co-operative; and eventually, as we know, as far as co-operative organisation is concerned, they may receive certain returns from these co-operatives and that when the annual accounts are completed, they will receive dividends in accordance with their purchases from these co-operatives. So a co-operative like that is designed to remove certain amount of exploitation from certain groups. Secondly we may have producers co-operative which gets together people, who produce certain commodities, to enable them to exploit the resources more effectively. So you may find various groups of people, instead of competing against each other, may co-operate and run one organisation instead of having many organisations. We have examples of industrial concerns which may find it difficult to get certain raw materials and they may, by some co-operative method, try to overcome this particular problem. Then you

have the workers co-operative, which gets together workers of a particular industry so that they themselves can run that industry. By so doing they will be able to remove exploitation from employers who are only concerned with a profit motive. So we are interested to know from the Honourable Minister of Works as to what type of co-operatives he is running: is it a producers co-operative getting various people with money together so that they can run a rubber estate and make profit for the shareholders; or is it a co-operative of workers in that particular estate where the profits will be utilised for the benefit of the workers as suggested? It seems to me that there is a great deal of contradiction in what the Honourable the Minister of Works is trying to tell us.

The Honourable Minister has pointed out to us that the Co-operative was formed to fight fragmentation. And with that objective one is inclined to believe that he is concerned over the plight of the working people in various estates because, owing to fragmentation, they may lose their jobs and a lot of them may have to leave those estates. However, Sir, in the course of his speech, he introduced various issues and he even went to the extent to suggest that the profits might even be utilised for further investments; and it is only reasonable that the Secretary of the National Union of Plantation Workers should raise certain queries on the objective and on the sincerity of the Minister of Works in running this Co-operative organisation. Is it being run genuinely to uplift the standard of living of the workers in those particular plantations concerned or is it being used for political purposes, namely, to advance the objectives of the MIC? The Minister in his press statement demonstrated quite clearly that although the co-operative is run on the principle of "one man one vote"—the Minister has demonstrated quite clearly from his own utterances—that he has quite a great deal of influence on the Society itself. It is reported in the *Straits Times* that "Dato' Sambanthan recalled that he had

a three-hour talk at the Plantation House with the Senator S. P. S. Nathan, President of the NUPW, and Mr Narayanan on the formation of the Society as a constructive attempt to fight fragmentation in the estates." Later on he went on to say that he implored both of them to serve on the Committee. Well, if the Co-operative Society is run purely on that principle of "one man one vote", no one, not even Dato' Sambanthan, can say confidently to Mr Narayanan, "Come and join the Society; I assure you that you will be voted into the Board of Directors." This action of the Minister of Works has demonstrated very clearly that although the Society is run on a principle of "one man one vote", he has quite a great deal of influence so much so that he could go round and ask anybody to serve on the Board. He is very confident that his recommendation will be carried at the annual general meeting so much so that he can hand-pick persons to serve on the Board. This is a very clear demonstration that though the Constitution of the Co-operative Society provides for "one man one vote", a few may wield quite a great deal of influence, maybe by position, perhaps by wealth and perhaps by other means, will be able to control the views of the majority and will be able to direct the course of action by this organisation.

Therefore, I feel, Sir, that because of that the doubts expressed by the NUPW are by no means unfounded. They have watched the operation of this Co-operative Society for some time and they have come to certain conclusion which has been set out in great detail in the Annual Report of the NUPW. On one particular page, the Report even mentions that the Union does not know whether people like Dato' Sambanthan are very sincere and honest in their ideals. So, Sir, I feel that the way to prove to the people of this country that the Society is really sincere is not merely by saying, "I refuse to serve or I will give way to some other people" but the way to prove is by deeds that this organisation is designed genuinely to help the working people in those

estates. It must be organised purely as a workers' co-operative. The question of profits should not be of primary importance. If we are to really assist the working class in this co-operative, then the policy of the Society must be to plough back whatever profits they make for the benefit of the workers and not dreaming of buying more estates, because if they were to do so the same problem will arise—it may be a co-operative—but its function will be similar to that of any capitalist enterprises which merely seek to make more profits so that they can re-invest elsewhere while workers in those co-operatives will be exploited in the same manner and will be paid as low a salary as possible so that there will be more profits for re-investments. Is this a method of helping the working class in this country? It is for the President of the MIC to prove his sincerity and he should adopt an entirely changed policy for the Society and I hope that he will take fully into consideration what I have said in this Chamber.

Turning now to the Minister of Agriculture and Co-operatives, we note that in his maiden speech, in a manner typical of the Alliance, he made promises of what he will do. According to the *Straits Times*, he says:

"I will spare no efforts and energy to bring about a steady development in the co-operative movement in this country."

However, Sir, one of the most pressing problems facing the padi planters in this country is the question of marketing. It is generally agreed by everybody that to have double cropping and other improvements in the planting of padi to increase production is merely one aspect of the problem. If the padi planters cannot get a reasonable price for their padi, they can still be exploited. On many occasions there were expressions of concern by many padi planters with regard to middlemen activities. Efforts to organise marketing on a co-operative basis have not been successful because Government is bent on continuing this policy of issuing licences to middlemen. I feel, Sir, that on this particular aspect, perhaps, the Alliance is not

in agreement: a certain section of the Alliance is representing middlemen interests while another section of the Alliance is representing the interest of the padi planters. But in its tussle for a policy, it appears to me that the representatives of the middlemen are more successful, and in spite of the fact that this will result in the continuation of the exploitation of the padi planters, it does not seem to matter very much as far as the Alliance is concerned. So, I must ask the Minister that if he is going to spare no efforts and if he is going to use all his energy, he must really make a very great effort; and he should, if he is sincere, press this point home very strongly in his Cabinet.

Enche' Mohd. Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang mendapat wang sa-banyak \$15 million. Saya sangat-lah mengalu²kan peruntukan ini dan saya juga menguchapkan terima kaseh atas segala kerja² yang telah dijalankan oleh pegawai² di-dalam Kementerian ini. Dalam tahun ini kita telah nampak kejayaan besar yang telah di-buat dalam beberapa segi. Tetapi, Tuan Pengerusi, kemajuan² itu akan bertambah dari masa ka-samasa, ini-lah satu Kementerian yang menjadi harapan kepada orang² kampung yang kehidupan-nya ia-lah bergantung kepada berchuchok tanam buah²an dan sa-bagai-nya yang di-atas tanah. Saya mengambil perhatian ini ada-lah disebabkan sa-bahagian besar petani² yang menumpukan kehidupan-nya kepada tumbuhan². Tuan Pengerusi, chara² petanian orang² kampung yang ada di-kawasan saya ia-lah chara² yang di-buat atau di-tunjukkan oleh penjajah dahulu. Yang berma'ana niat penjajah bukan hendak menyuroh senang dan ma'amor. Mereka suka menengok mereka itu supaya hidup sahaja. Umpama-nya, Tuan Pengerusi, di-kampung² kita melihat perusahaan² yang besar tidak ada, sebab satu² orang kampung itu mempunyai sa-ekar getah, ada 10 ekor ayam, dan ini satu chara yang patut dapat di-ubah, maka ini-lah tanggung-jawab pegawai² dari-

pada Kementerian ini. Bagi saya chara² itu rasa saya molek-lah kita mengambil berat chara memberi penerangan untuk mengalehkan chara kehidupan mereka, tidak lagi sa-bagaimana sekarang mengambil itu sedikit dan mengambil ini sedikit, kalau sa-kira-nya mereka ini bertanam padi di-beri pelajaran penoh chara² menanam padi, sebab-nya orang² di-Kedah sangat menumpukan usaha²-nya terhadap menanam padi, mereka ada-lah lebeh senang daripada orang² di-tempat saya. Jadi, ini-lah rasa saya yang harus dapat penerangan daripada Pegawai² Kementerian ini. Dan di-segala perengkat ia-itu bahagian perekonomian, marketing, akan dapat pergi ka-kampung² untuk memberi nasihat dengan chara mengadakan kursus², menunjukkan film² untuk mengalehkan kehidupan mereka, kepada satu saluran perusahaan. Jadi, rasa saya dengan ini bertambah-lah pendapatan hidup mereka.

Sekarang sedang ranchak di-jalankan ranchangan Pembangunan Luar Bandar, ada mereka yang menanam getah, ada yang menanam pokok² buah²an. Jadi di-tempat saya, saya berharap dapat pegawai² ini pergi ka-kampung² mengadakan sharahan² supaya dapat orang² kampung memahami perkara baharu mengikut chara² modern zaman sekarang. Saya memberi pandangan yang menarek hati, ia-itu pegawai² Rubber Research mengadakan wayang gambar kepada orang² kampung, mengajar chara² menanam getah dan sa-bagai-nya daripada segala segi chara menanam getah. Chara² ini sangat menarek hati pada orang² kampung. Banyak pokok buah²an dan chara² membela ikan darat dan faedah²-nya, saperti di-perbuat di-negeri Australia dan New Zealand, akan di-pelajari. Jadi rasa saya ini ada-lah satu² chara harapan yang besar kepada kita untuk meninggikan taraf hidup orang² kampung. Saya juga besar hati berkenaan dengan tanam sa-mula kelapa, saya telah membacha surat-khabar yang mana Kerajaan mengambil berat kepada perusahaan kelapa ini. Perkara ini telah masuk ka-tahun yang ketiga dan saya percaya ini akan mendapat kejayaan. Dalam itu saya suka memberi pandangan satu perkara yang men-

dapat tentangan yang hebat daripada pasaran² luar negeri. Jadi apa yang telah terjadi kepada kelapa² kering daripada negeri kita ini di-keluarkan seperti ka-Pulau Pinang, hendak-lah mereka membayar chukai. Dengan sebab membayar chukai, kelapa luar negeri lebih murah daripada kelapa kita. Ini satu perkara yang harus dapat Kementerian ini membincangkan dengan Menteri Kewangan kita, apalah kira-nya dapat chukai ini dihapuskan. Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Special Constable, maseh ada lagi pejabat ini, dan ada juga wang bantuan berkenaan dengan hal muka 65 dan 90. Di-tempat saya chara mereka itu di-beri bantuan tidak-lah dengan chara yang terator, chuma di-benarkan mereka itu mendapat tanah 10 ekar dan juga mendapat bantuan wang 1,500 ringgit. Dengan sebab mereka itu bukan-lah bilangan daripada orang² yang pandai menyimpan wang dan ada mempunyai harta yang lain, apa yang telah terjadi bahawa tanah² yang 10 ekar itu tidak dapat di-jayakan, oleh sebab wang 1,500 itu di-gunakan untuk buat rumah dan persediaan untuk menjadi orang kampung.

Jadi mereka ini ta' ada upaya hendak menjayakan tanah itu, maka pekerjaan itu terbengkalai. Hendak masuk ka-Ranchangan luar bandar—F.L.D.A. itu mereka² ini tidak berhak, kerana mereka² telah ada 10 ekar yang di-untokkan oleh Kerajaan. Mereka telah merayu kepada saya apa kira-nya di-bantu oleh Kerajaan supaya tanah yang di-berikan kepada mereka itu di-jayakan. Saya rasa, kalau di-tempat² lain ada di-beri bantuan wang, saya ta' tahu-lah, tetapi di-tempat saya, kalau boleh, supaya mereka itu di-bantu untuk menebang dan menebas supaya merengankan tanggungan mereka yang hendak menjayakan tanah² itu. Oleh yang demikian, saya berharap supaya perkara ini mendapat perhatian dari Kementerian ini di-atas kekusutan bekas² S.C. di-tempat saya itu. Mereka ini terpaksa menganggor menchari kerja, ada yang menjadi buroh kasar di-P.W.D.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Co-operative Deve-

lopment Division. Saya telah mendengar penerangan² dari Ahli Yang Berhormat wakil Tanjong dan Ahli Yang Berhormat dari Damansara menerangkan berkenaan dengan sharikat kerjasama ini. Saya suka menerangkan ia-itu didalam sharikat kerjasama ta' ada orang pemodal yang suka menjadi ahli, kerana sharikat kerjasama ini 94 peratus dari keuntungan-nya tidak di-beri kepada modal-nya. Jadi saya perchaya ta' ada orang capitalist yang hendak masuk menjadi ahli-nya. Kalau mereka² itu faham, saya perchaya mereka² ta' berchakap macham itu.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star):

Mr Chairman, Sir, I rise to thank the Honourable Minister of Finance for the allocation of \$15 million for the functioning of the Ministry of Agriculture and Co-operatives and to congratulate the Ministers concerned for achievements during the past year, especially the diversion of the Muda River for irrigating the Wan Mat Saman Scheme which is now taking shape. I hope the Honourable the new Minister will spare no effort and will give his every energy to see that this most important project is put into operation at the earliest possible date. This project will not only benefit the people of Kedah but it will benefit all the peoples of the Federation as a whole. With Kedah, the granary of Malaya, producing two crops of padi a year, she will be able to make our country self-sufficient in the production of the people's staple food and save our country from having to spend \$100 million yearly in importing foreign rice into our country and erase from the minds of our people forever that bitter experience of having to eat limed rice and tapioca during the last war. It is a pity that the former Honourable Minister is not in the House now for me to present him another bouquet, which he was quite fond of. As regards the new Minister, I would like to bring to his attention that farmers in Kedah have already started murmuring that before they could see even a drop of water from the Muda River they have already been paying water charges at the rate of \$3 per *relong* for the past two years. So, I hope he will spare no effort and

will do his level best to put this project into operation as soon as possible.

Now, Sir, coming to Co-operative Development, I would like to point out to the Honourable Member for Damansara, and also the Honourable Member for Tanjong, that in a democratic country such as ours—Malaya—we must have the planter, the buying agent and the factory, in order to buy up the country's raw materials, and vice versa, we must have the factory, the selling agent, the wholesaler, the retailer and the consumer to buy up the manufactured goods. All these form a necessary though vicious circle so that we could have a really healthy society in a democratic country. Sir, it is not possible or economic for every rubber tapper to send his rubber to the factory, or for every padi planter to send his padi to the rice mill, and vice versa, it is also not possible for the factory to send its manufactured goods right to the consumer's door. So, I can only presume that in communist countries if commerce and industry are nationalised in the way as suggested by those Honourable Members, it would mean a monopoly of everything with the exception of the soul of the person living in that country. But in a world of such keen competition where only the fittest survives, such ideals, with no improvement or progress, will no doubt die a natural death. Sir, unlike communist countries, where everything belongs to the government, we living in Malaya which is a free and democratic country are bound to have some differences among the people—that means the rich, the poor and the other classes. Nevertheless, we are living quite harmoniously and happily together.

Sir, I would like to clarify that I do not in the least stand for capitalism, or represent capitalistic interests here, but I am strictly against ideologies which could or are likely to create hatred amongst the people in this country. In fact, there are very few whom we can classify as capitalists in our country here. But what is wrong with them if they are generous enough to contribute their wealth by doing charity and doing good for our people

and for our country? Sir, we are even doing our utmost to persuade capitalists from foreign countries to come into our country to invest their money here by offering them pioneer status for putting up industries in our country. Are we going to scare them away? I am sure we are not. Therefore, Sir, is it fair to grudge the so-called capitalists who are prepared, or who can afford, to provide \$50,000 to \$100,000 to erect a *belat pok* in helping our country to catch fish by the *belat pok* system which is being done by our neighbouring countries like Indonesia and Thailand? On the other hand, at least 500 people could depend for their living on one *belat pok* alone. Do those Honourable Members, who oppose this, know that the *ikan terubok* which formerly cost us five cents each is now costing \$1.50, having to be transported from Siam? We consumers actually are suffering and here I would like to remind the House of the Chinese phrase, "If the price of flour increases, it is not the baker but the consumer who pays." Therefore, I would suggest that our Government should act as a watch-dog on behalf of the people against any possible exploitation by unscrupulous people, such as by guaranteeing a minimum price for padi to the padi planters who are sure of receiving a return of \$15 per pikul for good dry padi delivered at mill door; and in the same way I would suggest to Government to have some sort of control over industry.

Sir, I would like to point out to the Honourable Member for Damansara and the Honourable Member for Tanjong that in Kedah, although the Government Guaranteed price for good dry padi was \$15 per pikul, millers were paying as much as \$19 per pikul in Kedah during 1962. This is a known fact. Nowadays it is quite easy to brand one as a bad hat by christening him as a bad hat; on the other hand it would be equally easy to nurse hatred against one by branding him as a capitalist. So the Socialist Front knows very well that there are more poor people than rich people and, therefore, by taking advantage of the present situation it will be the cheapest and easiest device for vote catching by pretending to

champion the cause of the poor people. But, nowadays, people are beginning to see light in the Socialist Front propaganda and they are much more political conscious than before, and I am sure they will not be misled by such cheap propaganda. Thank you.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya memberi selamat berehat kepada bekas Menteri Pertanian dan Sharikat Bekerjasama yang dahulu dan menyalakan² Menteri yang baharu, yang muda dan gagah perkasa itu. Saya perchaya beliau akan bekerja kuat melaksanakan tugas yang berat itu. Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang memeranjatkan saya apabila pehak PAS mengatakan semenjak Merdeka dan semenjak Perdana Menteri kita ada dan semenjak Parti Perikatan memerintah tidak ada satu benda yang di-buat untuk orang Melayu. Saya susah hati, Tuan Pengerusi, barangkali rakan saya daripada PAS itu ada penyakit. Tetapi pagi tadi saya suka hati apabila rakan saya Yang Berhormat dari Dungun mengatakan di-Kelantan padi di-tanam dua kali sa-tahun dan sekarang chukup mewah. Ini menunjukkan Kerajaan Perikatan ini membawa kemewahan sampai melepak ka-Kelantan, sahinggakan Yang Berhormat itu hendak hantar ka-Johor sedikit. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat itu—sayang-nya dia tidak ada petang ini—kerana dapat membuka mata rakan²-nya yang tidak nampak benda² yang telah di-buat itu.

Berkenaan dengan negeri Johor, kami tidak ada kesusahan. Semuanya sudah siap, sebab Menteri Besar kami chukup rajin bekerja, dan kalau dapat di-tauladani oleh Menteri Besar yang tidak mahu bekerja itu chukup bagus betul. Ampangan ayer-nya besar dan tanah² yang lembab itu sudah kering dan tanaman² sudah subur. Saya sa-orang daripada Ahli Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar kawasan Pontian Selatan dan Pontian Utara. Mereka bekerja betul², dan bekas Menteri Pertanian dan Sharikat Bekerjasama telah datang membuka-nya dengan mengadakan satu majlis yang istimewa.

Apabila saya bertanya kepada rakan saya Yang Berhormat dari Dungun ia-itu sudah-kah anakanda pergi melawat kawasan ibu. Jawab-nya, sudah. Rupa-nya Yang Berhormat itu nampak di-Kelantan tetapi di-Johor tidak nampak, beliau juga berpenyakit saperti rakan²-nya. Kalau Yang Berhormat itu lalu dari Johor Baharu sampai ka-Pontian Selatan dan terus ka-Benut dan Batu Pahat, beliau itu akan nampak tangki² ayer yang besar dan batang² paip yang besar² saperti batang kelapa berator di-sapanjang jalan. Ayer yang kotor yang saya sebutkan dahulu yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu ia-lah masa penjajah dahulu. Pontian Selatan chukup bagus, jangan di-sentoh².

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan College of Agriculture and Agricultural Schools. Saya sukachita mendengar apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan kolej ini hendak di-betulkan dan di-orak samula. Saya harap bilangan pelajar wanita sama banyak dengan bilangan pelajar laki² di-dalam kolej itu.

Tuan Pengerusi, saya berasa kechil hati apabila mendengar rakan² saya menyebutkan wanita² suka pakai gelang emas sampai ka-siku dan lain² perhiasan. Apa-lah guna di-sebut itu semua. Biar-lah mereka itu pakai. Saya pun telah chuba menasihatkan kepada mereka itu supaya jangan pakai barang emas banyak² sangat saperti kedai pajak gantong. Kata mereka, suami-nya suka (*Ketawa*) suami-nya belikan. Suami-nya suroh pakai. Kalau ta' pakai, lengan yang puteh empok itu ta' chantek. Dalam hal jimat chermat ini beri-lah nasihat yang betul sedikit, kata mereka

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, on a point of order 36 (1).

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Jangan-lah

Mr Chairman: Apabila on a point of order hendak-lah dudok dahulu.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Saya tidak dengar.

Mr Chairman: Mengikut Peratoran Meshuarat 36 (1) perkara itu tidak ada kena-mengena dengan perbahathan yang ada ini.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Tuan Pengerusi, yang berchakap perkara itu ia-lah rakan² saya yang di-sabelah sini—sa-belah sana tidak (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya bukan hendak mengusek² orang sa-belah sana sahaja tetapi kalau kawan sendiri sudah melarat², saya usek juga. Dalam perkara jimat chermat ini, Tuan Pengerusi, ada satu sahaja yang susah di-hati saya sa-bagai sa-orang ibu; yang sa-benar-nya anak² saya semua-nya mahu berjimat chermat. Tetapi ada sa-tengah²-nya itu bila dapat arrears bukan dia sayangkan wang-nya yang susah dapat itu tetapi wang arrears itu di-belanjakan, buat kenduri itu dan ini, di-ajak kawan² makan walau pun kenyang, bila dapat arrears sahaja ta' tunggu² lagi membacha do'a dan panggil kawan² beramai². Sharikat Kerjasama patut-lah beri pengajaran kepada orang² ini. Makan, makan, ta' chukup makan di-rumah yang di-sediakan oleh isteri, kadang² champor benda² busok dan mabok pula.

Saya suka sangat mendengar, Tuan Pengerusi, dalam perkara tanaman ini, rupa²-nya ubi kayu itu boleh buat bedak atau powder dan buah betek itu bagus pula. Saya baharu mendengar juga dari sa-orang wanita yang pandai dalam perkara ini, dia kata parutkan ubi itu dan pupok²kan di-muka, bagus kata-nya. Jadi dalam perkara ini pun lebih lagi chermat (*Ketawa*). Saya bersetuju sangat dengan kawan saya di-sana yang berchakap fasal betek. Patut-lah pokok² betek ini di-galakkan menanam-nya di-Clinic² dan Hospital² sa-bagai hiasan dan buah betek ini juga mengurangkan sedikit belanja. Sekian, Tuan Pengerusi.

Data' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, dalam muka 62 Sub-head 50 ia-itu Padang Besar Quarantine Station. Maka dengan ada-nya Quarantine Station ini ada-lah menyenangkan kerbau dan lembu di-bawa masuk ka-Tanah Melayu dari

negeri Siam. Saya mengeshorkan kepada Kementerian ini sa-kira-nya dapat di-adakan satu quarantine pula di-Rantau Panjang, Kelantan, bagi memudahkan ahli² perniagaan membawa kerbau dan lembu dari negeri Siam sebab pada masa ini juga banyak ternakan² yang sa-umpama ini di-bawa masuk ka-sabelah Kelantan dengan sa-chara haram maka dengan ada-nya quarantine ini maka akan menyenangkan lagi ahli² perniagaan membawa kerbau dan lembu dan mengelakkan kemasokan sa-chara haram dari negeri Siam itu, sebab dengan kemasokan kerbau dan lembu itu akan memurahkan harga kerbau dan lembu dan harga daging di-pasar dalam Tanah Melayu ini. Maka ini-lah saya shorkan kepada Kementerian ini di-adakan satu quarantine di-Rantau Panjang.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu di-muka 68 Sub-head 128 ia-itu Co-operative College. Saya sukachita mendengar, penerangan dari Yang Berhormat Menteri di-atas susunan baharu yang akan di-buat itu, dengan chara ini harus-lah dapat memberi kemajuan kepada Sharikat Kerjasama. Tetapi apa yang saya dukachitakan masa yang sudah², ia-itu banyak daripada orang² kampung yang telah di-beri latehan atau kursus berhubung dengan sharikat kerjasama di-Co-operative College ini, tetapi apabila mereka itu balek ka-kampung kebanyakan mereka tidak menjalankan sa-suatu atau mengambil initiative dan ilmu² yang mereka pelajari itu tinggal bagitu sahaja dan kemajuan yang kita harapkan menjadi hampa. Apa yang saya harapkan pada masa akan datang ini kepada pehak Kementerian dua tiga perkara yang patut di-perhatikan oleh pehak Yang Berhormat Menteri ia-itu sa-lain daripada ilmu teknik yang di-pelajari di-Co-operative College itu dalam soal sharikat kerjasama maka perlu-lah juga di-ajarkan dalam soal ilmu jiwa (psychology) dan dengan ada-nya pelajaran ilmu itu harus mereka dapat mengembangkan lebih luas gerakan sharikat kerjasama di-kampong² sa-kira-nya dapat memahamkan kehendak² orang kampong.

Yang kedua-nya adakan satu system dengan mengeluarkan satu kad kepada

ahli² yang telah berlatih di-Co-operative College itu dan apabila mereka balek ka-kampung mereka dapat menunjukkan kad itu sa-bagai sa-orang yang telah berlatih atau telah mengambil kursus daripada Co-operative College dan kad itu patut di-periksa oleh pihak Pegawai Sharikat Kerjasama pusat atau negeri dari satu masa ka-satu masa supaya dapat mengetahui bagaimana perkembangan dan initiative yang di-buat oleh mereka dalam gerakan kerjasama di-kampung². Maka dengan chara ini harus kita dapat memberi kesan, dan initiative dan usaha² daripada orang² yang berlatih dalam College itu akan dapat mengembangkan beberapa lagi badan² sharikat kerjasama di-kampung². Kerana pada hari ini, Tuan Pengerusi, walau pun ada-nya tertuboh sharikat kerjasama dalam perniagaan jimat-chermat dan sa-bagai-nya tetapi malang-nya sa-telah sharikat itu berjalan 6, 7 bulan dengan memperolehi kemajuan tetapi sa-telah itu telah mundur, maka di-harap-lah dapat perhatian oleh pihak Menteri Yang Berhormat supaya pihak Pejabat Sharikat Kerjasama dapat benar² memberi kursus yang berkesan di-kalangan orang² Melayu kita di-kampung². Sunggoh pun perkembangan sharikat kerjasama telah berjalan dalam negeri ini tetapi telah tertinggal jauh kabelakang berbanding dengan kemajuan² yang telah di-chapai oleh pihak pemodal².

Sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pos dan Talikom sa-bentar tadi ia-itu sharikat kerjasama telah menchapai lebeh kurang 6 juta ringgit harta yang di-punyai oleh sharikat kerjasama di-Tanah Melayu. Tetapi kalau kita bandingkan dengan pemodal² yang mempunyai perusahaan² yang besar di-Tanah Melayu pada hari ini, sharikat kerjasama tidak akan dapat bertanding atau sa-embang dengan pemodal² yang ada di-negeri ini walau pun 100 tahun akan datang mengikut gerakan yang ada pada hari ini. Dengan sebab itu saya berharap kepada pihak Kementerian kita dapat mengambil berat dalam soal ini supaya dapat gerakan sharikat kerjasama dalam negeri ini benar² memberi

pertolongan yang berkesan kepada orang² di-kampung.

Tuan Pengerusi, dalam muka 63 Sub-head 61 ia-itu Co-operative Education. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, peruntukan wang telah bertambah sa-banyak \$12,000 dan saya harap wang ini di-gunakan untuk menyampaikan benar² ilmu sharikat kerjasama kepada orang² kampung. Dengan ilmu pengetahuan itu dan dengan dorongan dan usaha² yang akan di-jalankan oleh mereka itu, mudah²an akan berkembang-lah gerakan sharikat kerjasama di-tiap² pelusok dalam negeri ini.

Saya berasa dukachita mendengar tuduhan yang di-buat oleh Yang Berhormat dari Pontian Selatan tadi menyatakan ada-lah pihak Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu tidak nampak langsung kemajuan yang telah di-buat oleh pihak Kerajaan Perikatan pada hari ini, dan menyatakan bahawa kami di-sini sengaja menuduh pihak Kerajaan tidak mengambil berat keadaan orang² Melayu dalam negeri ini. Saya pernah menimbulkan persoalan bagaimana-kah kemajuan yang berkesan patut di-buat untuk orang² Melayu supaya sa-embang dengan kemajuan orang² yang bukan Melayu. Kemajuan-nya sedikit sa-banyak ada, tetapi dengan keadaan sharikat kerjasama yang ada pada hari ini di-kampung² dan kita katakan-lah bertambah-lah lagi satu dua sharikat kerjasama, maka kemajuan dan kejayaan saperti ini ada-kah boleh atau patut di-megah²kan jika di-bandingkan dengan kemajuan dan kejayaan yang sedang di-nikmati oleh orang² yang bukan Melayu? Maka ini-lah masaalah atau problem yang sentiasa di-suarakan oleh pihak Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu supaya dapat melihat benar² orang Melayu bumi putera negeri ini dapat dudok dan sa-embang dengan kemajuan orang yang bukan Melayu baik dari segi politik, pelajaran dan kemajuan ekonomi supaya anak² Melayu tidak ketinggalan ka-belakang, terima kaseh.

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya berdiri ia-lah untuk mengalu²kan Angggaran Belanjawan yang telah di-

kemukakan oleh Kementerian Pertanian dan Kerjasama yang sama² ada di-hadapan kita ini. Saya menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang baharu, dan juga menguchapkan tahniah kepada kaki-tangan² Kementerian ini yang telah berusaha berkerjasama sa-hingga dapat Kementerian ini menguntokkan atau memintak Kerajaan meluluskan wang belanjawan untuk Sharikat Kerjasama sa-banyak 15,512,035 ringgit. Pada pendapat saya ada-lah peruntukan ini sunggoh pun tidak begitu banyak, tetapi ada berlebihan 85 ribu ringgit daripada tahun yang sudah. Bererti Yang Berhormat Menteri Pertanian ini sunggoh pun dia baharu memegang jawatan ini, tapi, dia ada nampak benda² dan perkara² yang menasabah untuk di-buat bagi tahun ini. Saya perchaya dengan belanja ini-lah dapat memberi faedah kepada ra'ayat dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit dalam Investigation Division, ia-itu sa-bagaimana yang kita tahu bahawa di-Jajahan Krian, ia-lah satu jajahan sawah bendang yang luas. Kalau tidak silap saya ia-lah 65 ekar di-dalam kawasan Tali Ayer, ada-lah bendang² ini sa-belum-nya di-adakan Tali Ayer beratus² tahun yang sudah ada-lah di-usahakan oleh penduduk² Krian. Tidak begitu banyak bergantung kepada ayer hujan. Alhamdulillah, Kerajaan yang memerintah dahulu sudah mengadakan tali ayer dan dengan keadaan itu penanam padi yang berusaha untuk menanam padi dapat-lah pertolongan ayer hujan dan daripada ayer di-tali ayer. Akan tetapi, kita lebeh ma'alum masa dahulu ada-lah tali ayer masuk atau buang, tentu-lah tidak begitu memuaskan hati, dengan itu saya menarek perhatian kepada Kementerian ini menchari satu jalan yang di-fikirkan lebeh baik macham mana chara² supaya ayer² yang hendak di-masokkan dalam bendang daripada Tali Ayer dan hendak mengeluarkan ayer daripada bendang² itu di-masa tidak di-kehendaki, saya mendapat tahu sa-benar-nya bagaimana memasokkan ayer ka-dalam kawasan yang 60 ribu ekar itu tidak menjadi kesusahan, tetapi satu sahaja yang susah, ia-lah

masa hendak mengeluarkan-nya. Kita semua faham dalam bulan 12 atau penghujung bulan 12 di-Krian lazim-nya ada-lah masa membuang ayer daripada bendang, sebab, bulan satu atau bulan dua padi² akan di-tuai, oleh sebab lambat ayer² itu keluar pokok² padi itu selalu rebah. Masa kita membuang ayer itu dan ayer itu pergi ka-laut dan pada masa itu pula ayer laut itu di-tutup, dengan ini-lah saya suka menarek perhatian menchari satu jalan yang senang untuk membuang ayer.

Sa-lain daripada itu saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Agriculture, saya tadi telah menarek perhatian kepada ucapan yang telah di-berikan oleh sahabat saya wakil daripada Sungai Petani bersangkut dengan ulat merah. Saya ingin dalam Dewan ini hendak menyatakan ia-itu saya ada mengeluarkan fasal penyakit ulat merah ini telah di-rasakan di-kawasan saya sendiri. Apakala sudah di-siasat lebeh kurang 4 ribu gantang padi² telah di-berikan kepada peladang² yang mendapat kemalangan tadi itu untuk padi benih, satu ekar 2½ gantang. Saya telah terlupa, bahawa telah juga memberikan sagu hati sa-banyak 15 ringgit tiap² satu nama, ini juga kalau tidak silap dekat² dua ribu ringgit telah dikeluarkan oleh Pejabat Kebajikan Masharakat di-jajahan Krian. Tahun ini ada juga penyakit itu timbul, saya saksikan sendiri tidak berapa terok macham mana tahun yang sudah, saya takut penyakit ini ada berpanjangan kita sudah menchuba apa jalan-nya untuk orang² bendang ini menghapuskan penyakit ulat merah ini. Chuma satu jalan sahaja kata-nya ia-itu ayer dalam bendang itu tidak di-tukar, jadi oleh sebab itu saya dengan pegawai² tananam sudah berunding dan manakala chubaan menjalankan ayer digantikan dengan ayer yang baru di-kawasan itu yang lebeh kurang dua ribu ekar yang di-kenakan jika ayer itu di-buang hendak di-masokkan ayer balek, tidak boleh.

Mr Chairman: Panjang lagi?

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman: Rasa-nya tidak habis.

Mr Chairman: Order! Time is now 6.30 p.m.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply which has been

considering the Supply Bill, 1963, has progressed up to Head S. 12 of the Schedule to that Bill.

The House is now adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.